

## SUSUNAN AYAT : AYAT BIASA DAN AYAT SONGSANG

### PENGENALAN

- Susunan ayat bermaksud **aturan konstituen subjek dan predikat**, sama ada subjek diletakkan pada permulaan ayat atau sebaliknya.
- Ayat yang mendahului subjek dipanggil **ayat susunan biasa**, manakala ayat yang mendahului predikat dipanggil **ayat susunan songsang**.
- Susunan konstituen ini boleh **terjadi kepada ayat tunggal dan ayat majmuk**.
- Penyongsangan ayat **menyebabkan ayat disusun semula** dan **menjadikan ayat ini ayat terbitan**.

### AYAT SUSUNAN BIASA

#### 1. PENGERTIAN

- Ayat susunan biasa dipanggil **ayat biasa**, iaitu **ayat yang konstituen subjeknya mendahului konstituen predikat**.
- Bahagian **subjek ialah bahagian yang diterangkan** atau yang diutamakan, manakala bahagian **predikat ialah yang menerangkan subjek itu**.
- Bentuk susunan ini mempertahankan pola ayat dasar.<sup>1</sup>

#### 2. CIRI

- Mengutamakan subjek.
- Ayat **diucapkan tanpa penegasan atau penekanan yang khusus pada mana-mana unsurnya**.<sup>2</sup>
- Sekirarnya hendak dibuat penegasan, boleh dilakukan dengan memasukkan bentuk penegas bebas, seperti *pun, juga, memang*, dan sebagainya.<sup>3</sup>

<b>Subjek</b>	<b>Predikat</b>
• Dia	polis bantuan.
• Budak-budak itu	memang nakal.
• Beberapa hektar kebun	musnah dalam kebakaran
• Pendatang tanpa izin	sangat suka menetap di Malaysia.
• Kedua-duanya pun	meninggalkan tempat itu.

<sup>1</sup> Nik Safiah Karim, *et al. Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (2008:478)

<sup>2</sup> Nik Safiah Karim, *et al* (2008:457)

<sup>3</sup> Ahmad Khair Mohd Nor, *et al. Tatabahasa Asas*. Rawang: Persatuan Pendidikan Bahasa Melayu Malaysia (2012:417)

## AYAT SUSUNAN SONGSANG

### 1. PENGERTIAN

- Ayat susunan songsang dipanggil **ayat songsang**, iaitu ayat yang mengalami proses **pendepanan predikat**, iaitu **predikat mendahului subjek**.
- Dalam proses ini, **bahagian predikat diletakkan di hadapan konstituen subjek atau pada bahagian permulaan ayat**.
- Dengan kata lain, ayat songsang ialah **ayat yang dibina secara songsang atau terbalik daripada kebiasaan**.

### 2. CIRI

- Proses pendepanan predikat atau penjudulan terjadi dalam dua bentuk:
  - Pendepanan seluruh predikat
  - Pendepanan sebahagian daripada predikat
- Pengucapan ayat songsang **memerlukan intonasi** yang betul.

### 3. JENIS SONGSANG

#### (a) Pendepanan seluruh predikat

- Pendepanan seluruh predikat bermaksud **seluruh atau semua unsur predikat dibawa ke permulaan ayat**, untuk mendahului subjek.
- Hal ini termasuklah ayat yang perkataannya diberi kata penegas terikat: **-kah**, **-tah**, atau **-lah**.

Susunan Biasa	
<i>Subjek</i>	<i>Predikat</i>
• Dia	<b>kakak sulung saya.</b>
• Hatinya	<b>sungguh mulia.</b>
• Penyesalannya	<b>belum terlambat.</b>
• Surat itu	<b>daripada Ah Seng agaknya.</b>
• Yang datang tadi	<b>Azman?</b>

Susunan Songsang Seluruh Predikat	
<i>Predikat</i>	<i>Subjek</i>
• <b>Kakak sulung saya</b>	dia.
• <b>Sungguh mulia</b>	hatinya.
• <b>Belum terlambat</b>	penyesalannya.
• <b>Daripada Ah Seng agaknya</b>	surat itu.
• <b>Azmankah</b>	yang datang tadi?

**(b) Pendepan sebahagian daripada predikat**

- Pendepan sebahagian daripada predikat bermaksud **sebahagian sahaja daripada predikat dibawa ke hadapan subjek**; yang sebahagian lagi ditinggalkan pada kedudukan asal.
- Pendepan jenis ini menyebabkan **subjek berada di tengah-tengah**, di antara dua bahagian predikat.
- Pendepan bentuk ini melibatkan frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama sahaja.<sup>4</sup>

<b>Susunan Biasa</b>		
<b>Subjek</b>	<b>Predikat</b>	
• Pemidato	<b>akan berhujah pagi esok.</b>	
• Anaknya	<b>belum sampai ke sekolah.</b>	
• Badannya	<b>penat sepanjang hari.</b>	
• Semua rakan saya	<b>ke pasar malam setiap minggu.</b>	
• Kumpulan tersebut	<b>di Kuala Lumpur sekarang.</b>	

**Susunan Songsang Sebahagian Predikat**

<b>Predikat</b> (yang dikedepankan)	<b>Subjek</b>	<b>Predikat</b> (yang ditinggalkan)
• <b>Akan berhujah</b>	pemidato itu	<b>pagi esok.</b>
• <b>Belum sampai</b>	anaknya	<b>ke sekolah.</b>
• <b>Penat</b>	badannya	<b>sepanjang hari.</b>
• <b>Ke pasar malam</b>	semua rakan saya	<b>setiap minggu.</b>
• <b>Di Kuala Lumpur</b>	kumpulan tersebut	<b>sekarang.</b>

- Terdapat ayat yang boleh mengalami penyongsangan sebahagian predikat dengan dua cara, seperti:

**Akan berhujah** pemidato itu **pagi esok.**  
**Pagi esok** pemidato itu **akan berhujah.**

**Penat** badannya **sepanjang hari.**  
**Sepanjang hari** badannya **penat.**

**4. MENGGUNAKAN DUA BENTUK PENDEPANAN**

- Terdapat ayat yang boleh disongsangkan menggunakan kedua-dua bentuk penyongsangan (pendepan).

<b>Seluruh Predikat</b>	<b>Sebahagian daripada predikat</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Di Kuantan sekarang</b> budak itu.</li> <li>• <b>Mahu berehat di sini</b> mereka.</li> <li>• <b>Boleh datang bila-bila masa</b> kami.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Di Kuantan</b> budak itu <b>sekarang.</b></li> <li>• <b>Di sini</b> mereka <b>mahu berehat.</b></li> <li>• <b>Bila-bila masa</b> kami <b>boleh datang.</b></li> </ul>